

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/04/27 - 56

TARIKH AKHIR MENGEMUKAKAN BORANG NYATA CUKAI BAGI PEMBAYAR CUKAI YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata Cukai Tahun Taksiran 2020 bagi pembayar cukai yang tidak menjalankan perniagaan ialah seperti berikut:

Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Nyata Cukai	
		Manual	e-Filing
BE	Individu Pemastautin	30 April 2021	15 Mei 2021
BT	Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)		
M	Individu Bukan Pemastautin		
MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)		
TF	Pertubuhan		
TP	Harta Pusaka		
TJ	Keluarga Sekutu Hindu		

2. Sebagai panduan berkenaan pengemukaan Borang Nyata Cukai ini, pembayar cukai boleh merujuk kepada Program Memfail Borang Nyata bagi tahun 2021 (Pindaan 1/2021) yang boleh diakses dan dimuat turun menerusi pautan berikut:
 - i. Bahasa Melayu:
http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2021_Pin.1_1.pdf
 - ii. Bahasa Inggeris:
http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2021_Pin.1_2.pdf
3. Pembayar cukai disarankan untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai dan membayar cukai pendapatan mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang penalti lewat hantar borang dan kenaikan lewat bayar cukai. Pembayar cukai juga dinasihatkan untuk mengisi maklumat diri dan perbankan yang tepat serta terkini bagi membantu kelancaran proses bayaran balik cukai (jika ada).
4. Pembayar cukai yang mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai perkara ini boleh menghubungi LHDNM melalui:
 - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - b) HASiL Live Chat; dan
 - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 3

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 27 April 2021



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 3